


## MENINGKATKAN MINAT MURID TINGKATAN 5 DALAM PENDIDIKAN ISLAM MENGGUNAKAN POKET PARI: KAJIAN TINDAKAN DI SEKOLAH MENENGAH DI KEDAH

\*Rozita Abdul Razak

Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Sulong Jeniang, Kedah

Article Info	ABSTRAK
<p><b>Article history:</b> Received: 8 Jan 2025 Revised: 30 Jan 2025 Accepted: 15 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p>	<p>Ramai murid kurang meminati Pendidikan Islam kerana bagi mereka ia adalah subjek kurang mencabar. Sikap kurang minat ini menyebabkan mereka gagal dalam peperiksaan. Objektif kajian adalah menilai keberkesanan Poket PaRi dalam meningkatkan minat murid dalam Pendidikan Islam. Seramai 19 orang murid tingkatan 5 dari sebuah sekolah menengah di Kedah dipilih sebagai peserta. Kajian ini mengaplikasikan kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian langsung dan temu bual. Kajian ini dilaksanakan dengan mengambil data Peperiksaan Pertengahan Tahun sebagai praujian bagi mengenal pasti masalah. Hanya 2 orang murid lulus dengan markah 43 peratus sedangkan kelas ini adalah kelas harapan lulus semua mata pelajaran. Analisis item menunjukkan mereka lemah dalam bidang akidah, sirah dan tamadun serta adab yang merupakan bidang paling kurang diminati. Pengkaji menggunakan Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Inisiatif yang dijalankan adalah memperkenalkan Poket PaRi iaitu nota poket yang padat dan ringkas. Murid dibimbing dengan kaedah ini secara intensif selama sebulan. Selepas itu, mereka membuat sendiri Poket PaRi bagi tajuk penting yang lain. Peperiksaan Percubaan SPM menunjukkan peningkatan dalam peratus markah dan bilangan lulus. Implikasi kajian menunjukkan murid semakin meminati Pendidikan Islam melalui Poket PaRi yang berwarna warni, padat dan ringkas. Buktinya, keputusan SPM sebenar menunjukkan semua murid lulus 100 peratus. Ini membuktikan penggunaan Poket PaRi berjaya meningkatkan minat murid, seterusnya meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan. Kaedah ini boleh ditambah baik dengan penggunaan kertas pelbagai bentuk dengan teknik mnemonik agar minat murid dalam Pendidikan Islam dapat ditingkatkan selari dengan SKPM Standard 4 iaitu guru sebagai pembimbing dan pendorong serta murid sebagai pembelajar aktif.</p>
<p><b>Keywords:</b> nota poket Poket PaRi minat murid kemahiran mengingat Pendidikan Islam</p> <p> OPEN ACCESS</p>	

\*Corresponding Author:

Email: rozitaabdrazak@gmail.com



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14997290

## PENGENALAN


Pengkaji adalah Guru Pendidikan Islam di sebuah sekolah yang terletak di pinggir Daerah Kuala Muda. Murid sekolah ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kebanyakan waris bekerja sebagai penoreh getah, operator pengeluaran, bekerja sendiri. Rentetan daripada Pendemik Covid-19 yang melanda negara bermula Januari 2020 sehingga tamatnya Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2022, semua murid diarahkan menjalani Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PDPR). Murid SMK Tunku Sulong sangat terkesan dengan kaedah pembelajaran PDPR. Sikap tidak hadir kelas PDPR dan tidak belajar sepanjang tempoh PKP membawa kesan yang sangat hebat dalam pencapaian murid. Ia ditambah dengan latar belakang keluarga yang kurang mengambil berat kehadiran anak-anak dalam kelas PDPR kerana tekanan hidup semasa PKP. Ada anak-anak yang langsung tidak menghadiri kelas PDPR. Ini dapat dilihat daripada keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) 2022 yang sangat membimbangkan termasuk bagi kelas-kelas yang diajar oleh pengkaji. Walaupun PKP telah tamat, namun murid agak lambat untuk mendapatkan semula semangat dan roh ingin belajar disebabkan tempoh PKP terlalu lama.

Daripada analisis PPT, markah yang dicapai oleh murid di bawah bimbingan pengkaji sangat teruk. Bagi kelas 5 Pertanian 1 (5PTN1), hanya dua daripada 19 orang murid sahaja yang lulus. Sepatutnya kelas ini adalah kelas harapan semua murid lulus. Analisis item PPT menunjukkan murid lemah bidang Akidah, Sirah dan Tamadun serta bidang Akhlak yang memerlukan murid mengingati fakta. Pengkaji menilai semula kaedah pengajaran dan mendapati punca utama kegagalan murid dalam PPT adalah murid tidak berminat membaca buku kerana nota Pendidikan Islam panjang dan kurang menarik untuk dihafal.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang disandarkan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian tindakan ini adalah Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini melibatkan empat langkah dalam tindakan berdasarkan kitaran iaitu merancang, bertindak dan memerhati dan mereflek.

Rajah 1: Gelung kajian tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988)



Sumber: Kemmis et al. (1990b)

Jika pada gelungan pertama masalah itu tidak dapat diatasi, maka pengkaji perlu memulakan proses semula ke gelungan kedua sehinggalah masalah itu dapat diselesaikan. Pada gelungan kedua, pengkaji mesti mereflek dan membuat adaptasi terhadap pelan tindakannya.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil temubual dan refleksi murid menunjukkan mereka memanfaatkan sepenuhnya teknik Poket PaRi sehingga mereka yakin untuk menjawab dalam peperiksaan sebenar SPM. Poket PaRi sentiasa bersama mereka sehingga saat-saat akhir sebelum masuk ke dewan peperiksaan. Sepanjang proses kajian, pengkaji dapat melihat banyak perubahan besar pada anak didik, antaranya:

- i. Perubahan sikap daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan diri sendiri. Murid berusaha sendiri membuat Poket PaRi. Ia melibatkan proses membaca, mengeluarkan isi penting, meringkaskan isi dan menghias Poket PaRi. Proses ini menyebabkan murid lebih mudah mengingat kerana melibatkan banyak aktiviti merangsang ingatan.
- ii. Perubahan teknik belajar. Murid lebih fokus kepada tajuk-tajuk penting berbanding membaca semua isi nota yang panjang dan kurang menarik. Poket PaRi membolehkan murid hanya perlu mengingat isi yang perlu sahaja.
- iii. Murid lebih yakin untuk menjawab soalan guru dan melibatkan diri secara aktif di dalam setiap aktiviti di dalam kelas kerana mereka sudah menguasai tajuk dengan baik. Kelas menjadi lebih ceria dan aktif seterusnya menarik minat murid belajar dengan lebih bijak. Mereka tidak lagi takut untuk mengangkat tangan untuk menjawab.

Teori Konstruktivisme yang dipelopori oleh Jean Piaget menyatakan bahawa pembelajaran berlaku apabila murid membina pemahaman mereka sendiri melalui interaksi dengan dunia sekeliling. Menurut beliau lagi, pelajar aktif dalam membina pengetahuan baru melalui proses asimilasi dan akomodasi. Hattie dan Donoghue (2016) melakukan analisis terhadap pelbagai strategi pengajaran dan menekankan pentingnya pembelajaran aktif dalam meningkatkan pencapaian akademik. Mereka mencadangkan bahawa penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran adalah kunci untuk mencapai hasil yang lebih baik. Dengan bukti-bukti kajian ini, pengkaji yakin bahawa Poket PaRi yang diperkenalkan berjaya merangsang murid menjadi pembelajar aktif dengan mereka mencipta pengalaman sendiri dalam membina Poket PaRi. Ini akan menjadikan mereka lebih memahami konsep serta mudah mengingat nota pendidikan Islam. Pengkaji merasa terharu apabila murid kelas ini datang berjumpa pengkaji selepas menerima keputusan SPM 2022 dan mengucapkan terima kasih kerana memperkenalkan Poket PaRi kepada mereka. Teknik inilah yang mereka amalkan sehingga kelas ini berjaya mencapai kelulusan 100 peratus dalam Pendidikan Islam.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Intervensi yang diperkenalkan oleh pengkaji berjaya menyelesaikan persoalan kajian dan mencapai objektif yang ditetapkan berdasarkan keputusan dan peningkatan yang dicapai oleh murid. Antara perubahan yang ditunjukkan oleh murid adalah:

- i. Minat terhadap Pendidikan Islam semakin meningkat dengan nota yang menarik dan kreatif.
- ii. Murid semakin yakin menjawab soalan guru di dalam kelas kerana mereka faham dan ingat isi penting setiap tajuk.
- iii. Kelas menjadi lebih aktif kerana semua murid berlumba-lumba untuk menjawab dan menunjukkan hasil Poket PaRi masing-masing.
- iv. Murid rajin membuat ulangkaji kerana mereka seronok menjawab dengan merujuk kepada Poket PaRi yang dihasilkan.
- v. Masa terluang murid makin terisi kerana mereka boleh membaca Poket PaRi dengan mudah di mana sahaja mereka berada.

Kaedah Poket PaRi akan terus digunakan dengan melakukan penambahbaikan supaya Poket PaRi menjadi lebih menarik dan mudah diingat oleh murid-murid. Kaedah ini akan didedahkan kepada murid tingkatan lain supaya apabila mereka berada di tingkatan 5, mereka sudah bersedia dengan Poket PaRi yang lengkap. Bagi kelas belakang, kaedah ini akan diajarkan secara intensif dan dibimbing secara rapat supaya murid membuat nota secara berterusan.

Beberapa usaha penambahbaikan juga boleh dilakukan seperti menggunakan kertas yang lebih tebal dan berkualiti supaya nota tahan lama dan tidak mudah terkoyak. Murid juga boleh menggunakan buka nota pelbagai bentuk yang ada dijual di pasaran supaya Poket PaRi mereka menarik dan lebih seronok untuk dibaca. Nota ini tidak memerlukan kos yang mahal. Teknik mnemonik juga boleh dimasukkan ke dalam Poket PaRi bagi memudahkan proses mengingat kerana ia lebih ringkas dan menarik. Semoga kejayaan demi kejayaan dapat dicipta dengan penglibatan aktif murid menggunakan kaedah Poket PaRi dalam mengingat fakta dan memahami isi tajuk. Pengkaji bercadang untuk membuat kajian pada masa hadapan tentang penggunaan teknik mnemonik dalam Poket PaRi bagi memudahkan murid mengingat fakta terutama dalam bidang Sirah dan Tamadun.

Kesimpulannya, inovasi yang diperkenalkan oleh pengkaji berjaya menyelesaikan persoalan kajian dan mencapai objektif yang ditetapkan berdasarkan keputusan dan peningkatan yang dicapai oleh murid. Murid menjadi pembelajar aktif sesuai dengan SKPM Kualiti@Sekolah standard 4 iaitu 4.3 guru sebagai pembimbing di mana pengkaji sentiasa membantu dan memberi tunjuk ajar semasa proses murid menghasilkan Poket PaRi. Bagi standard 4.4 guru sebagai pendorong, pengkaji sentiasa memberi semangat supaya murid tidak patah semangat dalam usaha mengingat nota penting dalam pendidikan Islam. Ini secara tidak langsung menjadikan murid aktif kerana guru sentiasa ada apabila mereka menghadapi kesukaran dan semangat yang semakin menurun. Ia selaras dengan standard 4.6 murid sebagai pembelajar aktif. Mereka lebih yakin untuk menjawab soalan guru dan melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti kerana mereka sudah menguasai tajuk dengan baik. Mereka tidak lagi takut mengangkat tangan untuk menjawab soalan.

## RUJUKAN

- Altrichter, H., Kemmis, S., McTaggart, R., & Zuber-Skerritt, O. (2002). The concept of action research. *The Learning Organization*, 9(3), 125-131.
- Ariffin, S., & Wahidah, S. S. (2014). *Kajian metodologi hafazan Al-Quran*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ariffin, S. (2011). *Keunikan metode-metode hafazan Al-Quran di dunia: Suatu tinjauan terhadap kaedah di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, dan Turki*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Buzan, T. (2003). *How to Mind Map*. United Kingdom: Thorsons.
- Ghaffar, M. N. A. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Malaysia: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Hattie, J., & Donoghue, G. (2016). Learning strategies: A synthesis and a model. *Educational Psychology Review*, 28(4), 1-20.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (Eds.). (1990b). *The action research reader*. Victoria: Deakin University.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Kenneth, D., & Dunn, R. (1984). *Teaching students through their individual learning styles*. St. John's University, Jamaica.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1: Garis panduan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia* (No. Surat: KP/KPPM/6 Jld.2 (19)).
- Piaget, J. (1971). *Biology and knowledge: An essay on the relations between organic regulations and cognitive processes*. Chicago: University of Chicago Press.
- Prince, M. (2004). Does active learning work? A review of the research. *Journal of Engineering Education*, 93(3), 223-231.
- Yaacob, H. Z. B. (2016). Model Kajian Tindakan. Dicapai pada 03 Mac 2023 dari <https://cikguyip.blogspot.com/2016/05/blog-post.html>.